



Headline: Wanita rugi RM67,000 diperdaya phone Language: Malay scammer

Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 16 October 2019

Section: Nasional
Page: 10

Wanita rugi RM67,000 diperdaya phone scammer

KEPALA BATA-Seorang suri rumah kerugian RM67,000 selepas diperdaya sindiket *phone scam* pada Isnin lalu.

Mangsa yang berusia 26 tahun itu telah dihubungi kononnya wakil daripada syarikat kurier yang memaklumkan dia

telah membuat kiriman barang dari Kuala Lumpur ke China.

Bagaimanapun, mangsa dimaklumkan barangan tersebut telah ditahan oleh kastam di Guangzhou sebelum talian berkenaan disambungkan kepada polis di negara berkenaan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, pegawai polis berkenaan memaklumkan kepada mangsa yang dia telah terlibat dengan jenayah dan boleh ditangkap oleh agensi penguat kuasa berkenaan.

Menurutnya, mangsa telah diminta untuk menyerahkan pelbagai dokumen pengenalan diri, maklumat akaun bank miliknya dan bapanya selain memberikan nombor pengesahan transaksi akaun (TAC) bagi tujuan semakan akaun.

"Oleh kerana takut, mangsa



NOORZAINY

hanya menuruti apa kehendak pegawai polis berkenaan dan telah membuat tiga transaksi pindahan wang melalui mesin deposit tunai sebanyak RM27,000 ke dalam akaun yang diberikan suspek.

"Selain itu mangsa juga telah memberikan nombor TAC kepada suspek sehingga menyebabkan wang sebanyak RM20,000 dari akaun miliknya dan RM20,000 dari akaun bapanya lesap," katanya ketika dihubungi di sini.

Noorzainy berkata, menyedari dia ditipu oleh sindiket berkenaan mangsa menceritakan perkara itu kepada keluarganya sebelum dia membuat laporan polis.

Tambahnya, siasatan lanjut masih lagi diteruskan bagi memperoleh maklumat pemilik akaun yang terlibat dengan kes berkenaan.

"Kes kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun penjara dan boleh dikenakan denda jika disabitkan kesalahan," katanya.